

Berk
Harian
3/6/02

Kerajaan negeri pindahkan Kuktem ke bandar MEC

KUANTAN, Ahad – Kerajaan negeri akan memindahkan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) yang beroperasi di Desa Samudera, Indera Mahkota ke tapak Bandar Malaysian Electronic Corporation (MEC) di Gambang, Disember depan.

Kuktem, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-16, adalah IPTA pertama berkonsep teknikal sepenuhnya dan menerima pelajar pusat matriculasi dan lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Pengerusi Jawatanku-

asa Pendidikan Dan Multimedia Pahang, Datuk Maznah Mazlan, berkata pembinaan bandar MEC giat dijalankan dan dijangka siap hujung tahun ini.

"Kita akan mengambil 3,700 pelajar dan dijangka bertambah dari semasa ke semasa sehingga mencapai lebih 10,000 pelajar dan 1,860 kakitangan pada 2010 apabila pembinaan kampus kolej itu di Pantai Lagenda, Pekan siap sepenuhnya," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihak pengurusan akan membina tiga bangunan baru

di Bandar MEC menjadikan 30 bangunan di situ bagi menampung pelajar dan kakitangan kolej itu.

Katanya, pemilihan Bandar MEC sesuai berikutan kawasan yang luas serta dapat membantu pelajar mempraktikkan sistem pelajaran mereka di bandar itu.

Maznah berkata, bagi memenuhi keperluan pelajaran, pelajar akan mengikuti 40 peratus teori dan 60 peratus latihan amali selaras matlamat Kuktem bagi meningkatkan pekerja profesional usaha memajukan sektor perindustrian dan pema-

ngunan koridor industri pantai timur.

"Bagi menghasilkan kampus terbaik, kita akan mengadakan perbincangan bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Tanah dan Galian dan Jabatan Kerja Raya," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, Pahang sudah mewujudkan beberapa bandar yang mempunyai pelbagai fungsi iaitu Temerloh, Muadzam Shah dan Pekan yang masing-masing berperanan sebagai bandar industri perkayuan, seramik dan automotif.